

## Tubuh kelab kanak-kanak pelopori pendidikan holistik



**CIK SAZA FARADILLA:** Mahu menunjukkan bahawa anak Melayu juga boleh maju ke hadapan seiringan dengan bangsa lain. – Foto M.O. SALLEH

MELIHAT bagaimana kesudahan yang dialami masyarakat Melayu semasa menjadi sukarelawan di Pusat Khidmat Keluarga (FSC) Tampines membuat Cik Saza Faradilla Zain, 20 tahun, tersentak.

Beliau tidak menyangka ramai lagi pelajar Melayu yang memerlukan bantuan kewangan selain bantuan emosi dan pendidikan.

Secara tidak langsung, ia mendorong beliau menubuhkan kelab Kids Accomplish yang mendidik anak-anak dari darjah tiga hingga enam dengan pendidikan yang bersifat holistik.

Program yang dijalankan sepenuhnya oleh pelajar Kolej Yale-NUS setiap minggu, dua jam setiap sesi itu memberi tumpuan terhadap isu-isu semasa di samping nilai-nilai murni yang wajar diterapkan dalam diri setiap insan.

“Saya dapati program bersifat akademik memang sudah ada banyak di Singapura. Tetapi program pengayaan yang bersifat holistik jarang dianjurkan.

“Dalam program ini misalnya, kami mengajar pelajar tentang kepimpinan – apa itu kepimpinan, apakah nilai-nilai yang patut ada dalam diri setiap pemimpin, mengapa perlu kita jadi seorang pemimpin.

“Kesemua persoalan ini akan dikupas dan ia memberi peluang juga kepada pelajar berinteraksi dan memberanikan diri menyuarakan pendapat mereka,” ujarnya.

Program yang dikendalikan sekitar 15 sukarelawan itu turut membincangkan isu dan budaya antarabangsa seperti Sri Lanka dan Sweden.

Menurutnya, beliau akan memanfaatkan pelajar asing di Kolej Yale-NUS agar mengongsi kepadanya apa yang menarik tentang negara mereka.

“Misalnya apabila kami membincangkan tentang Sri Lanka, kami menyentuh bagaimana bahasa utama negara itu, Sinhala, kini dianggap sebagai bahasa yang kian pupus.

“Kami kemudian mengaitkan isu ini dengan bahasa Melayu di Singapura. Adakah ia mengalami nasib yang serupa?” katanya lagi.

Pada awalnya, apabila program itu diperkenalkan Februari tahun ini, Cik Saza akui agak sukar mendapatkan pelajar. Beliau terpaksa mengiklankan program ini di beberapa forum keibubapaan.

Tetapi selang dua bulan, program itu telah menarik sehingga 20 pelajar, kebanyakannya merupakan anak golongan ekspat.

Namun, masih tersirat dalam hati Cik Saza mahu meluaskan program ini kepada anak-anak Melayu, yang baginya lebih memerlukan.

“Program ini wajar dikembangkan kepada para pelajar Melayu. Pada pendapat saya ia akan dapat meluaskan lagi minda mereka tentang apa yang berlaku di sekeliling mereka selain memupuk keberanian untuk bertutur dengan yakin dan menyusun idea mereka dengan lebih teratur lagi,” ujarnya yang sekadar mengenakan bayaran \$20 untuk 24 sesi bagi program ini.

► *Butiran lanjut mengenai program Kids boleh melungsur laman web*  
<http://kidsaccomplish.commons.yale-nus.edu.sg>